

## **FAQ CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER**

1. Apakah perbezaan Camouflage Foundation With Concealer ini dengan Satin Finish Liquid Foundation?

CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER	SATIN FINISH LIQUID FOUNDATION
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkemasan soft matte dimana ianya tidak akan nampak terlalu ‘matte’ pada kulit.</li> <li>• Litupan medium hingga penuh yang mampu menutup segala cela di wajah.</li> <li>• Menyembunyikan ketidaksempurnaan wajah seperti parut, jerawat, jeragat dan lingkaran gelap bawah mata.</li> <li>• Membantu mengurangkan penampilan liang pori besar dan garis-garis halus pada wajah.</li> <li>• Teksturnya merupakan cecair likat tetapi tidak meninggalkan rasa ‘heavy’ pada kulit.</li> <li>• Mengandungi Grape Seed Oil &amp; Vitamin E yang bantu untuk lindungi kulit dari radikal bebas dan bantu memberi lembapan pada kulit.</li> <li>• Diformulasi agar mampu bertahan lama pada kulit tanpa menjadi bercapuk atau luntur jika dipadankan dengan bedak padat atau tabur</li> <li>• Hadir dengan 4 kod warna.</li> <li>• Sesuai untuk semua jenis kulit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkemasan satin iaitu kombinasi sempurna diantara dewy &amp; matte.</li> <li>• Berlitupan medium sehingga penuh dengan sapuan tipis mahupun tebal samada menggunakan berus atau span.</li> <li>• Sapuannya mampu menutup ketidaksempurnaan wajah dan menyekatakan tona secara semulajadi tanpa meninggalkan kesan berbelak Sesuai untuk semua jenis kulit</li> <li>• Membantu mengurangkan penampilan liang pori besar dan garis-garis halus pada wajah</li> <li>• Bertekstur cecair yang ringan dan tidak terasa ‘heavy’ pada kulit</li> <li>• Hadir dengan formulasi pelindung UVA &amp; UVB SPF50 PA+++</li> <li>• Diformulasi untuk bertahan sehingga 12 jam tanpa luntur jika dipadankan dengan bedak padat / tabur.</li> <li>• Hadir dengan 4 kod warna</li> <li>• Sesuai untuk semua jenis kulit</li> </ul>

2. Adakah Camouflage Foundation With Concealer ini mempunyai litupan yang lebih berbanding doll skin foundation?

Litupan Camouflage Foundation With Concealer adalah medium hingga penuh. Sama seperti Doll Skin Foundation. Yang membezakan antara 2 ini ialah ia mempunyai kemasan ‘soft matte’. Sesuai untuk mereka yang tidak gemarkan solekan yang nampak terlalu dewy.

3. Berapakah spf bagi Camouflage Foundation With Concealer ini?

Camouflage Foundation With Concealer tidak mengandungi bahan pelindung sinar UV. Wajib pakai Sunscreen sebelum bersolek.

4. Perlukah pengguna menggunakan Sunscreen sekiranya Camouflage Foundation With Concealer ini sudah mempunyai bahan yang mempunyai perlindungan sinaran UV?  
Camouflage Foundation With Concealer tidak mengandungi bahan pelindung sinar UV.  
Wajib pakai sunscreen sebelum bersolek atau sebelum keluar dari rumah.

Langkah penggunaan:

1. Sunscreen
2. Primer
3. Camouflage Foundation With Concealer
4. Compact Powder

5. Adakah Camouflage Foundation With Concealer ini perlu di touch up menggunakan 'Matte Translucent Powder' jika pengguna tidak mahu ia melekat atau meninggalkan kesan pada sisi tudung?

Ya perlu. Untuk elakkan solekan menjadi 'cair' atau tidak tahan lama, sebaiknya baurkan bedak selepas aplikasi foundation. Ini juga bantu untuk elakkan dari foundation meninggalkan kesan pada tudung.

## **APA ITU CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER**

- Lengkapan bedak asas bersifat cecair likat dan ringan dalam satu bekas ini menjadikan Camouflage Foundation with Concealer sebagai bedak asas terbaik untuk memberi hasil solekan yang sempurna pada si pemakai.
- Hadir dengan kemasan ‘soft matte’ yang akan menyamarkan tampilan pori dan tekstur tidak sekata kulit disamping menyembunyikan parut, cela, jerawat, jeragat dan juga lingkaran gelap bawah mata.
- Camouflage Foundation With Concealer merupakan pilihan terbaik bagi mereka yang inginkan bedak asas yang mampu menutup segala ketidaksempurnaan wajah.
- Kemasannya tidak merimaskan kulit dan litupannya adalah dari medium sehingga penuh. Hanya dengan kuantiti yang sedikit sahaja sudah cukup untuk solekan seluruh wajah.
- Diformulasi bersama Tocopherol & Tocopherol Acetate atau lebih dikenali sebagai Vitamin E yang tinggi dengan anti oksida yang mampu melindungi kulit dari radikal bebas perosak kulit. Tocopherol juga membantu untuk memberi lembapan pada kulit dan turut berfungsi sebagai agen anti penuaan pada kulit
- Turut dirumus bersama Vitis Vinifera (Grape) Seed Oil atau dikenali sebagai minyak biji anggur. Grape Seed Oil ini tinggi kandungan antioksida yang akan bantu untuk mengekalkan kelembapan kulit, menenangkan iritasi dan mengembalikan keanjalan kulit. Walaupun ianya bersifat sebagai minyak, ia tidak akan menyumbat pori dan menyebabkan jerawat.
- Camouflage Foundation with Concealer bukan sahaja sesuai digunakan sebagai bedak asas, ia juga sesuai digunakan sebagai penyamar noda (concealer), penyerlah wajah (highlighter) dan kontur (contour).
- Sapuannya tahan lama dan tidak akan menyebabkan kesan bercapuk, ‘cakey’ atau ‘crack’ bagi kulit yang mudah berpeluh atau berminyak.
- Sesuai untuk semua jenis kulit. Ia akan bantu mengekalkan lembapan bagi kulit kering dan bantu kawal pengeluaran minyak bagi kulit berminyak
- BEBAS PARABEN

## **BAHAN UTAMA DALAM CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER**

Berat : 0.282oz / 8g

*Paraffinum Liquidum, Tocopherol, Hydrogenated Polyisobutene, Hydrogenated Microcrystalline Cera, BHT, Cera Microcristallina, Paraffin, Polyglyceryl-3 Diisostearate, Petrolatum, BHT, Glyceryl Stearate SE, Polyisobutene, Nylon-12, Kaolin, Silica Dimethyl Silylate, Phenoxyethanol, Vitis Vinifera (Grape) Seed Oil, Tocopheryl Acetate. May Contain : Titanium Dioxide, Iron Oxides*

### **VITAMIN E**

- Tinggi kandungan anti oksida untuk melawan radikal bebas punca kerosakan kulit
- Tinggi kandungan lembapan yang akan bantu rawat masalah kekeringan kulit
- Tinggi sifat anti inflamasi yang bantu menenangkan iritasi pada kulit
- Bantu lindungi kulit dari sinaran UV yang merbahaya
- Bantu melewatkkan proses penuaan kulit

### **VITIS VINIFERA (GRAPE) SEED OIL**

- Bantu beri lembapan pada kulit tanpa menyebabkan kulit rasa berminyak – sesuai untuk mereka yang mempunyai kulit berminyak
- Minyak yang bersifat ringan dan mudah menyerap ini tidak akan menyebabkan berlakunya masalah pori tersumbat
- Menganjalkan kulit dan melewatkkan kemunculan tanda-tanda penuaan
- Mengandungi fatty acid yang bantu mengurangkan iritasi dan inflamasi kulit – tidak akan menyebabkan iritasi bagi mereka yang ada masalah kulit jerawat

### **Nombor Notifikasi :**

- 01 LIGHT RUSSET - NOT190604524K  
02 CAYYENE BEIGE - NOT190604529K  
03 NATURAL BISQUE - NOT190604525K  
04 TAN MADEIRA - NOT190604526K

## **KEISTIMEWAAN BEDAK ASAS JENIS CECAIR LIKAT**

1. Teksturnya yang lebih likat berbanding bedak asas cecair biasa mampu menyembunyikan parut, jerawat, bintik hitam dan cela pada wajah dengan satu sapuan sahaja
2. Sesuai untuk mereka yang mempunyai kulit kering kerana biasanya bedak asas jenis cecair yang likat ini mengandungi kandungan agen pelembap kulit
3. Juga sesuai untuk mereka yang mempunyai kulit berminyak tetapi bergantung pada jenis kemasan bedak asas tersebut. (pilih yang mempunyai kemasan ‘matte’)
4. Kemasannya mampu menjadikan kulit kelihatan licin dan sempurna seakan kulit patung.
5. Mampu bertahan lebih lama tanpa luntur dan bercapuk

## **TIPS PEMAKAIAN CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER**

### **1. Sebagai Foundation**

- Oleskan pada seluruh wajah dengan tipis untuk hasil solekan natural atau gandakan olesan Camouflage Foundation With Concealer untuk kemasan penuh.
- Tips:
  - Gunakan Collagen Facial Spray dan Argan Oil Primer sebelum pakai Camouflage Foundation With Concealer untuk dapatkan kemasan solekan ‘dewy’.
  - Gunakan Pore Filler + Mattifying Primer sebelum pakai Camouflage Foundation With Concealer dan selepas itu set dengan menggunakan Mattifying Setting Spray untuk solekan tahan lebih lama dan tidak ‘luntur’ akibat sebum
  - Baurkan Matte Translucent Powder untuk bantu set Camouflage Foundation With Concealer agar tidak menjadi bercapuk atau luntur.

## **2. Sebagai Concealer**

- Gunakan kod Camouflage Foundation With Concealer yang 1 tona lebih cerah dari warna kulit
- Oleskan pada kawasan bawah mata, parut atau mana-mana ketidaksempurnaan kulit dan ratakan dengan menggunakan berus, span atau jari sehingga sekata dan natural.
- Tips:
  - Baurkan Matte Translucent Powder pada bahagian bawah mata selepas aplikasi penyamar noda untuk ‘set’ dan elak dari sapuan penyamar noda menjadi bercapuk.

## **3. Sebagai Highlight**

- Gunakan kod Camouflage Foundation With Concealer yang 1 atau 2 tona lebih cerah dari warna kulit
- Oleskan pada kawasan tulang pipi, tulang kening, tengah dahi dan juga dagu.

## **4. Sebagai Contour**

- Gunakan kod Camouflage Foundation With Concealer yang 1 atau 2 tona lebih gelap dari warna kulit
- Oleskan pada kawasan rahang, lekuk pipi, lekuk dahi dan sisi hidung.

## KOD WARNA CAMOUFLAGE FOUNDATION WITH CONCEALER

01 LIGHT RUSSET



**Untuk kulit putih kuning, kemerahan dan pucat**

02 CAYENNE BEIGE



**Untuk kulit sederhana kekuningan**

03 NATURAL BISQUE



**Untuk kulit medium sederhana cerah**

04 TAN MADEIRA



**Untuk kulit sawo matang**